



KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon: 603-88927600
Portal Rasmi:
www.bomba.gov.my
Emel: kp@bomba.gov.my



Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: JBPM.IP.LAT.100-2/1/5 Jld.7 41)

Tarikh : 16 Januari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan/Puan,


PEMAKLUMAN PINDAAN TERBAHARU BERKAITAN PAKAIAN SERAGAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

-
2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Istiadat dan Pakaian Seragam (JIPS) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah telah diadakan pada 20 Jun 2023 dan telah meluluskan beberapa pindaan berkaitan reka bentuk dan aksesori pakaian seragam seperti di **Lampiran A** berkepil.
 3. Sehubungan dengan itu, YS Dato'/Tuan/Puan dikehendaki memastikan pelaksanaan dan pemantauan pemakaian tersebut seperti mana yang telah diluluskan.
 4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YS Dato'/Tuan/Puan boleh berhubung dengan pegawai di Cawangan Istiadat dan Pakaian Seragam, Bahagian Latihan, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

.....2/-

'CEPAT DAN MESRA'



- 2 -


5. Segala kerjasama dan perhatian YS Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)

s.k

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JBPM
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JBPM

SENARAI EDARAN

Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
Pengarah Bahagian Latihan
Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Pengarah Bahagian Pembangunan
Pengarah Bahagian Udara
Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
Pengarah Bahagian Pengurusan
Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
Ketua Unit Integriti
Pengarah JBPM Kuala Lumpur
Pengarah JBPM Selangor
Pengarah JBPM Johor
Pengarah JBPM Pulau Pinang
Pengarah JBPM Perak
Pengarah JBPM Kedah
Pengarah JBPM Pahang
Pengarah JBPM Sarawak
Pengarah JBPM Sabah
Pengarah JBPM Negeri Sembilan
Pengarah JBPM Melaka
Pengarah JBPM Terengganu
Pengarah JBPM Kelantan
Pengarah JBPM Perlis
Pengarah JBPM Labuan
Pengarah JBPM Putrajaya
Komandan ABPM Wilayah Tengah
Komandan ABPM Wilayah Timur
Komandan ABPM Wilayah Utara
Komandan ABPM Wilayah Sabah
Komandan ABPM Wilayah Sarawak
Ketua Unit Pengesan
Ketua Unit Kompetensi
Presiden Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung
Malaysia


LAMPIRAN A

SENARAI KEPUTUSAN MESYUARAT JIPS BERKAITAN REKA BENTUK DAN AKSESORI PAKAIAN SERAGAM JABATAN

1. Kelulusan reka bentuk baharu Pakaian Nombor 4 (Celoreng)
2. Kelulusan reka bentuk baharu *Bowler Hat* Pakaian Istiadat (No.1) Pegawai Bomba Wanita
3. Kelulusan reka bentuk baharu Pakaian Pasukan Pancaragam Bomba: Pakaian Istiadat (No.1)
4. Kelulusan reka bentuk baharu Songkok Istiadat
5. Kelulusan pemakaian Pakaian No.2A sebagai sebahagian daripada pakaian seragam
6. Kelulusan Insignia
 - a. Pasukan EMARS
 - b. Akademi dan Jurulatih
7. Kelulusan penetapan tempoh bekalan aksesori pakaian seragam


a. **Reka Bentuk Pakaian**

PEGAWAI BOMBA




PANDANGAN HADAPAN


Reka Bentuk



Benang jahitan hendaklah berwarna emas jenis polyester TKT75




PANDANGAN HADAPAN (BUKAAN)




PANDANGAN BELAKANG

Reka Bentuk

PEGAWAI BOMBA WANITA (PILIHAN)




PANDANGAN HADAPAN




PANDANGAN BELAKANG

Reka Bentuk




PANDANGAN HADAPAN



PANDANGAN BELAKANG


BIL	CIRI-CIRI REKA BENTUK DAN PEMAKAIAN
1	Bentuk pakaian adalah jenis sisip dalam bagi pegawai bomba dan bagi pegawai bomba wanita diberi pilihan sama ada sisip dalam atau sisip luar.
2	Penggunaan tali pinggang adalah dari jenis <i>buckle clip</i> yang dibekalkan oleh jabatan.
3	Pemakaian tanda pangkat di dada.
4	Reka bentuk ini dipakai oleh semua Pegawai Bomba kecuali Pegawai Pasukan Khas.
5	Perkataan " BOMBA MALAYSIA " di Bahagian Belakang dengan latar belakang putih berkilau digunakan oleh semua pegawai bomba kecuali pasukan STORM dan FORENSIK.
6	Bagi Pasukan STORM perkataan "BOMBA MALAYSIA" ditukar dengan perkataan " STORM ".
7	Bagi Pasukan Forensik perkataan "BOMBA MALAYSIA" ditukar dengan perkataan " FORENSIK ".



2. KELULUSAN REKA BENTUK BAHARU *BOWLER HAT* PAKAIAN
ISTIADAT (NO. 1) PEGAWAI BOMBA WANITA



REKA BENTUK	KETERANGAN
	1. <i>Bowler hat</i> berwarna <i>maroon</i>. 2. Dipakai oleh pegawai kanan bomba wanita bersama pakaian istiadat No.1




3. KELULUSAN REKA BENTUK BAHARU PAKAIAN PASUKAN PANCARAGAM BOMBA: PAKAIAN ISTIADAT (NO.1)



BIL	CIRI-CIRI REKA BENTUK DAN PEMAKAIAN
1	Warna asas baju berwarna <i>Bomba Red</i> dan seluar berwarna hitam.
2	Terdapat satu jalur lerang pada bahagian tepi kedua-dua belah seluar dengan dua jalur berwarna kuning di luar dan satu jalur berwarna <i>bomba red</i> di tengah-tengah.
3	Pakaian ini dipakai oleh Pasukan Pancaragam Bomba semasa mengiringi sesuatu perbarisan yang menetapkan Kod Pakaian No.1.
4.	Pakaian ini dipakai bersama songkok istiadat mengikut kategori pangkat yang melayakkan.

4. KELULUSAN REKA BENTUK BAHARU SONGKOK ISTIADAT

PANGKAT YANG MELAYAKKAN	REKA BENTUK	KETERANGAN
JUSA A - JUSA C	 Reka bentuk baharu yang diluluskan iaitu kelebaran benang emas	Songkok baldi berwarna <i>maroon</i>. Terdapat 3 barisan benang emas di bahagian sisi tengah songkok. Di bahagian bawah songkok terdapat satu baris benang emas berukuran 2 mm. Bahagian hadapan songkok terdapat sulaman emas lambang lencana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas kain hitam. Nota: Ukuran bagi satu baris benang emas adalah 12 mm
KB54 – KB52	 Dikekalkan	Songkok baldi berwarna <i>maroon</i>. Terdapat 2 barisan benang emas di bahagian sisi tengah songkok. Di bahagian bawah songkok terdapat satu baris benang emas berukuran 2 mm. Bahagian hadapan songkok terdapat sulaman emas lambang lencana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas kain hitam.

PANGKAT YANG MELAYAKKAN	REKA BENTUK	KETERANGAN
KB48 – KB41	 Dikekalkan	Songkok baldu berwarna <i>maroon</i>. Terdapat 1½ barisan benang emas di bahagian sisi tengah songkok. Di bahagian bawah songkok terdapat satu baris benang emas berukuran 2 mm. Bahagian hadapan songkok terdapat sulaman emas lambang lencana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas kain hitam.
KB40 – KB29	 Dikekalkan	Songkok baldu berwarna <i>maroon</i>. Terdapat 1 barisan benang emas di bahagian sisi tengah songkok. Di bahagian bawah songkok terdapat satu baris benang emas berukuran 2 mm. Bahagian hadapan songkok terdapat sulaman emas lambang lencana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas kain hitam.
KB28 – KB19	 Dikekalkan	Songkok baldu berwarna <i>maroon</i>. Di bahagian bawah songkok terdapat satu baris benang emas berukuran 2 mm. Bahagian hadapan songkok terdapat sulaman emas lambang lencana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas kain hitam.

Catatan:


Kelayakkan memakai Songkok Istiadat adalah seperti berikut;

1. Pakaian No.1 untuk Penolong Penguasa Bomba (Gred KB29) hingga Ketua Pesuruhjaya Bomba (JUSA A).
2. Pakaian No.2/3 untuk semua gred iaitu semasa menghadiri majlis/program keagamaan dan menziarahi jenazah atau majlis yang menetapkan pemakaiannya.
3. Pakaian No.1 (Pakaian khusus pancaragam) untuk pegawai dan anggota pasukan pancaragam.


5. KELULUSAN PEMAKAIAN PAKAIAN NO.2A SEBAGAI SEBAHAGIAN PAKAIAN SERAGAM

Reka Bentuk

Pegawai Kanan Bomba Lelaki




PANDANGAN HADAPAN




PANDANGAN BELAKANG

Reka Bentuk

Pegawai Kanan Bomba Wanita



PANDANGAN HADAPAN



PANDANGAN BELAKANG

BIL	CIRI-CIRI REKA BENTUK DAN PEMAKAIAN
1	Baju bagi pegawai lelaki adalah jenis sisip dalam dan berlengan pendek. Manakala baju bagi pegawai wanita adalah jenis lengan panjang dan sisip luar.
2	Baju berwarna putih dan kain jenis TC Oxford. Kod warna: CH5000-1. Berat kain 220 g/m ² (±5 g/m ²)
3	Bahagian bahu diadakan satu jalur kain putih berbucu meruncing ke arah kolar dengan satu butang biasa berwarna putih dan lubang untuk diletakkan apaulet jenis <i>Slip-On</i> .
4	Poket dada adalah jenis bertampal di kedua-dua belah dengan lipatan di tengah.
5	Baju ini hendaklah dipakai bersama tanda pangkat, tanda nama, <i>collar badge</i> , lencana sedia menyelamat dan bar reben pingat.
6	Dipakai semasa bertugas di pejabat/menghadiri mesyuarat dalaman jabatan dan tidak boleh dipakai semasa menghadiri majlis rasmi, mesyuarat dengan agensi luar, kursus dan lawatan.
7	Dipakai oleh Penolong Penguasa Bomba (Gred KB 29) dan ke atas. Baju ini juga layak dipakai oleh Pegawai Bomba Gred KB26/KB28 yang dilantik sebagai Ketua Balai.




6. KELULUSAN INSIGNIA BAGI PASUKAN EMARS, AKADEMI DAN JURULATIH ABPM

Reka bentuk Insignia yang diluluskan bagi Pasukan EMARS dan Insignia Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jurulatih adalah seperti berikut;

a. **Insignia Pasukan EMARS**

REKA BENTUK	KETERANGAN
	Insignia ini dilekatkan pada pakaian juruterbang, anak kapal dan Pasukan Khas Udara (PASKUB) yang menganggotai Pasukan EMARS.

b. Insignia Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jurulatih

REKA BENTUK	KETERANGAN
	1. Insignia jurulatih dengan perkataan “INSTRUCTOR” dipakai bersama dengan Insignia Akademi pada pakaian celoreng. 2. Insignia jurulatih diberi kepada pegawai akademi sebagai pengiktirafan kepada tenaga pengajar yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan. <u>Kriteria Insignia “INSTRUCTOR”</u> 1. Jenis tulisan: <i>Times New Roman</i> 2. Saiz Tulisan: 28 pt dan BOLD 3. Tulisan dan <i>border</i> disulam menggunakan benang kuning emas berlatar belakang gelap.
	Bagi pakaian no. 2/3 pemakaian perkataan “INSTRUCTOR” adalah pada bahagian bawah Kad Pengenal Pegawai. <u>Kriteria perkataan “INSTRUCTOR”</u> 1. Jenis tulisan: <i>Arial Narrow</i> 2. Saiz Tulisan: 8.0 pt dan BOLD 3. Warna putih

7. **KELULUSAN PENETAPAN TEMPOH BEKALAN AKSESORI PAKAIAN SERAGAM**

BIL	AKSESORI	TEMPOH BEKALAN
1.	Tanda Pangkat Pakaian No.2, No.3 dan No.8	2 Tahun Sekali
2.	Tanda Pangkat Pakaian No.4 (Celoreng)	2 Tahun Sekali
3.	Butang Pakaian No.2 dan No.3	2 Tahun Sekali
4.	<i>Collar Badge / Gorget</i> Pakaian No.2, No.3, No.4 dan No.8	2 Tahun Sekali
5.	Lencana Sedia Menyelamat	3 Tahun Sekali
6.	<i>Shoulder Title</i>	2 Tahun Sekali
7.	<i>Lanyard</i>	2 Tahun Sekali
8.	Wisel c/w logo Bomba	2 Tahun Sekali
9.	Tali Pinggang Pegawai 1) Pegawai Kanan Bomba 2) Pegawai Bomba lain-lain pangkat	5 Tahun Sekali 3 Tahun Sekali
10.	Tongkat Pegawai Kanan Bomba	5 Tahun Sekali
11.	Beg Tangan Pegawai Wanita	5 Tahun Sekali
12.	<i>Peak Cap / Bowler Hat / Tudung / Songkok</i>	5 Tahun Sekali
13.	Beret	2 Tahun Sekali